

## Sedekah Subuh Amalan Terbaik Penuh Keberkatan



Oleh: Ana Arisha Md Dom

*Universiti Sains Islam Malaysia*

*Diterbitkan pada 2 Ogos 2021*

Amalan bersedekah merupakan amalan berkongsi atau berbahagi harta dengan orang lain yang memerlukan. Islam menganjurkan umatnya untuk bersedekah sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT dan membantu mereka yang kurang berkemampuan.

Dalam hadis daripada Abu Hurairah ra bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Tangan yang di atas adalah lebih baik dari tangan yang di bawah.”



Gambar hiasan

Umat Islam sangat dituntut untuk bersedekah kerana terdapat banyak kebaikan di dalamnya. Sedekah boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja. Setiap waktu merupakan waktu yang baik untuk memberi sedekah.

Mafhum surah Ali Imran, ayat 133 dan 134 menyatakan bahawa orang-orang yang bertakwa yang mendapat keampunan serta syurga-Nya, salah satunya adalah mereka yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah.

Jelaslah di sini bahawa Allah SWT sangat menyukai orang yang rajin bersedekah walaupun dalam keadaan kesempitan. Namun, tahukah kita ada satu waktu yang dianggap sebagai waktu paling terbaik untuk bersedekah yang dipanggil sedekah subuh?

Sedekah subuh merupakan amalan bersedekah pada waktu subuh sebelum terbitnya matahari dan boleh dilakukan sama ada sebelum atau selepas menunaikan solat fardu subuh.

Sedekah subuh mempunyai keistimewaan jika dibandingkan dengan sedekah pada waktu lain. Ia dianggap sedekah yang paling terbaik di sisi Allah SWT kerana keberkatan waktu subuh itu sendiri.

Keistimewaan sedekah Subuh adalah malaikat yang turun ke bumi akan segera mendoakan amalan mereka yang bersedekah pada waktu itu.

Sebagaimana dalam hadis yang diriwayatkan Imam al-Bukhari dan Imam Muslim daripada Abu Hurairah ra, beliau berkata Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Setiap awal pagi saat matahari terbit, Allah SWT menurunkan dua malaikat ke bumi. Lalu salah satu berkata: Ya Allah, berilah kebaikan kepada orang yang menginfakkan hartanya. Ganti kepada orang yang membelanjakan hartanya kerana Allah. Malaikat yang satu lagi berkata: Ya Allah, binasakanlah orang-orang yang bakhil.”

Berdasarkan hadis tersebut, kita dapat melihat malaikat akan terus mendoakan mereka yang bersedekah pada waktu itu agar rezekinya semakin bertambah dan berkat.

Sebagai manusia, sudah semestinya kita perlu mengejar dan merebut ganjaran ini kerana doa malaikat sangat mustajab dan diterima di sisi Allah SWT.



Gambar hiasan

Selain itu, Allah SWT akan mengkabulkan segala permintaan dan doa mereka yang bersedekah subuh. Namun, mereka mestilah konsisten serta yakin dengan sedekah tersebut.

Memetik kata-kata Allahyarham Syeikh Ali Jaber, sertakan dengan apa sahaja doa semasa kita memberi sedekah tersebut.

Bersedekah subuh yang diiringi doa dapat membantu terkabulnya permintaan, memurahkan rezeki, mengangkat penyakit, sehingga dapat memudahkan segala urusan. Beliau juga mencadangkan supaya setiap satu kali sedekah bersama dengan satu permintaan atau hajat.

Amalan sedekah subuh sangat digalakkan untuk dijadikan rutin harian kita. Ia sangat mudah untuk dilaksanakan.

“Anda tidak perlu bersusah-payah untuk keluar mencari orang susah atau anak yatim di Subuh hari, sediakan satu tabung di rumah masing-masing dan masukkan sedekah Subuh setiap hari sebelum memulakan pekerjaan, sertakan dengan niat dan doa,” ujar Syeikh Ali Jaber lagi.

Bagi mereka yang kurang berkemampuan, amalan seperti berzikir, menyediakan makanan, mengajar mengaji atau melakukan kebaikan lain juga dianggap sedekah subuh. Yang paling penting, lakukannya dengan ikhlas dengan mengharapkan keredaan Allah SWT.

Sebagai seorang Muslim, marilah kita bersama-sama mempraktikkan amalan sedekah subuh ini sebagai salah satu usaha untuk mempertingkatkan amal kebaikan kita.

Sewaktu sebahagian Muslim lain masih tidur, jadilah sebahagian lainnya yang sibuk meraih reda Allah SWT dengan bersedekah.

Walaupun tidak banyak, lakukanlah sedikit demi sedikit sehingga kita istiqamah setiap hari. Dengan cara begini, kita sendiri akan merasakan keberkatan dari sedekah subuh yang telah dijanjikan oleh Allah SWT.